



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

#### **OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU KE ATAS PREMIS PERNIAGAAN YANG MENYAJIKAN MAKANAN**

---

Tarikh: 16hb Februari 2023

1. Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengendalikan operasi berkenaan pada hari Sabtu, 11hb Februari 2023.
2. Operasi ini menguatkuasakan beberapa akta dan peraturan seperti berikut:
  - I. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, iaitu memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan hendaklah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT;
  - II. Bab 23 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 26 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan 2009, iaitu gagal membayar dan gagal memenuhi sebarang peraturan atau aturan yang dibuat di bawah undang-undang ini; dan
  - III. Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017, kewajiban memohon Sijil Halal atau Permit Halal Majlis Ugama Islam Brunei.
3. Hasil daripada operasi tersebut, Unit SDT mendapati sebanyak lapan belas (18) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Tujuh (7) unit daripadanya didapati melanggar Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan, 1994 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang tidak berdaftar. Pihak syarikat dikeluarkan Notis Penyitaan dan dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut. Kesemua alat tersebut telah disita.
4. Pada masa yang sama, TAP turut mendapati seramai sebelas (11) orang pekerja tempatan belum berdaftar dan pihak syarikat dikehendaki hadir ke pejabat TAP dengan segera. Manakala, BKMH telah mengeluarkan dua (2) notis ke atas dua (2) buah premis perniagaan kerana didapati belum membuat permohonan sijil halal. Pihak syarikat juga dikehendaki menghadapkan permohonan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh notis dikeluarkan.

5. Dalam usaha memastikan kesejahteraan ahli TAP sentiasa terpelihara, TAP ingin mengingatkan para majikan untuk sentiasa memastikan pembayaran caruman TAP dan SCP pekerja mereka telah dibuat sebelum 15hb pada bulan berikutnya menurut Akta TAP bagi mengelakkan caj lewat pembayaran.
6. Sehubungan dengan itu, Unit SDT menegaskan para pemilik alat sukat dan timbang untuk mendaftarkan alat-alat berkenaan sebelum digunapakai dalam apa jua aktiviti yang melibatkan perdagangan. BKMH turut menyeru kepada pengusaha-pengusaha makanan di Negara ini yang belum mempunyai sijil halal atau permit halal untuk menghadapkan permohonan mereka dengan segera.
7. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
  - I. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau talian 233 4092;
  - II. Tabung Amanah Pekerja melalui e-mel: [ask@tap.com.bn](mailto:ask@tap.com.bn);
  - III. Bahagian Kawalan Makanan Halal melalui talian: 717 4405.



## PRESS RELEASE

### MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

#### JOINT ENFORCEMENT OPERATION ON FOOD BUSINESS PREMISES

---

Date: 16<sup>th</sup> February 2023

1. Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) and Tabung Amanah Pekerja (TAP) under the Ministry of Finance and Economy as well as Halal Food Control Division (BKMH), Ministry of Religious Affairs conducted the exercise on Saturday, 11<sup>th</sup> February 2023.
2. The operation sought to enforce the following:
  - I. Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, ensure weights and measures machines used for business activity are registered and verified with SDT Unit;
  - II. Section 23 of Employee Trust Act (Chapter 167) and Section 26 of Supplemental Contributory Pension Trust Order 2009 failure to pay and failure to comply with any regulations made under this law; and
  - III. Section 4 (1) and Section 10 (1) (a), Halal Certificate and Label Order (Amendment) 2017, the obligation to apply for a Halal Certificate or Halal Permit from the Brunei Islamic Religious Council.
3. During the operation, SDT officers found eighteen (18) units of weighing and measuring machines used for trading purposes. Seven (7) of these units were found to be in violation of the Weights and Measures Act 1983, Chapter 151 and its stipulated guidelines, i.e. using unregistered weights and measures. The company was issued a Seizure Notice and was required to rectify the issue and present themselves to SDT Unit's Office within seven (7) working days from the date the notice was issued. All the machines have been confiscated.
4. TAP also found that a total of eleven (11) local workers not being registered and the relevant company was required to attend to the TAP's office in order to overcome the matter immediately. Meanwhile, BKMH issued two (2) notices on two (2) business premises due to failure to apply for the Halal Certificate. The company involved was required to present their application within six (6) months from the date the notice was issued.

5. In an effort to ensure the well-being of TAP members is always preserved and in accordance with the TAP Act, TAP would like to remind employers to always ensure that their employees' TAP and SCP contribution payments have been made on time before 15th of the preceding month to avoid late charges.
6. As a reminder, SDT insists owners of weighing and measuring machines to register their respective machines before it is used in any business activity. BKMH also calls on food entrepreneurs in this country who do not have a Halal Certificate or Halal Permit to submit their application immediately.
7. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follow:
  - I. Weights and Measures Unit via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 233 4092;
  - II. Tabung Amanah Pekerja via email: [ask@tap.com.bn](mailto:ask@tap.com.bn);
  - III. Halal Food Control Division at 717 4405.

**OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU KE ATAS PREMIS PERNIAGAAN  
YANG MENYAJIKAN MAKANAN**



**OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU KE ATAS PREMIS PERNIAGAAN  
YANG MENYAJIKAN MAKANAN**

